



## SIARAN MEDIA

### 'INI WARISAN KITA' : KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA KOMITED MEMELIHARA DAN MELESTARI BAHAN ARKIB SEBAGAI WARISAN KHAZANAH NEGARA

---

**KUALA LUMPUR**, 14 Jun 2023 – Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa 2023 telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara pada hari ini. Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa yang telah bermula pada 9 hingga 16 Jun 2023 di seluruh negara ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat khususnya generasi muda terhadap peranan dan kepentingan institusi arkib dan bahan sejarahnya.

Pada asalnya, sambutan ini dikenali sebagai Hari Arkib Antarabangsa yang diadakan pada 9 Jun setiap tahun selaras dengan penetapan Mesyuarat Agung Tahunan International Council on Archives (ICA) pada tahun 2007. Pada 2019, Sambutan Hari Arkib Antarabangsa ditukar kepada Minggu Arkib Antarabangsa untuk memberi peluang kepada institusi arkib seluruh dunia melaksanakan program/aktiviti selama seminggu. Arkib Negara Malaysia (ANM) merupakan ahli aktif berstatus *Institutional Member* (Kategori A) dalam ICA.

Mengangkat tema yang sama dengan ICA untuk sambutan pada tahun ini, iaitu 'Archives United', penganjuran sambutan oleh ANM ini juga adalah selari dengan inisiatif '**Ini Warisan Kita**' di bawah Kementerian Perpaduan Negara dalam usaha memelihara dan melestari bahan arkib sebagai warisan khazanah negara di samping menyemai dan memupuk serta menyemarakkan perpaduan melalui rasa cinta kepada negara.

Sepanjang tempoh sambutan ini, pelbagai program signifikan dilaksanakan secara fizikal dan dalam talian yang memfokuskan kepada pemeliharaan khazanah dan warisan arkib sedunia. Antara pengisian sambutan adalah:

- i. Program Bual Bicara Profesion Arkivis
- ii. Webinar: Semarak Advokasi Kearkiban
- iii. Pameran
- iv. Lawatan berpandu melibatkan peserta dari dalam dan luar negara.

Sempena sambutan ini juga, ANM akan menganjurkan **Seminar Pemindahan Rekod Negara: Kelestarian Perpaduan dan Warisan Bangsa** pada 15 dan 16 Jun 2023 di Hotel Tenera, Bangi, Selangor yang akan dirasmikan oleh YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara. Ianya bertujuan bagi memperkasakan tadbir urus pengurusan rekod sektor awam khususnya dalam memastikan rekod bernilai kekal dapat dipindahkan ke ANM. Seminar ini juga menjadi platform perkongsian pengalaman pejabat awam yang sering melaksanakan pelupusan rekod demi kelestarian sistem penyampaian dalam perkhidmatan awam.

Kemuncak program sambutan ini ialah '**Bicara Tokoh: Pandemik COVID-19**' yang menampilkan tokoh atau individu yang terlibat secara langsung dalam menguruskan strategi kerajaan dalam mengekang penularan wabak COVID-19 di Malaysia iaitu YBhg. Tan Sri Dr. Nor Hisham Abdullah, mantan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia dan YBhg. Datuk Rodzi Md Saad, mantan Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara (kini Ketua Pengarah, Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia [MAMPU]).

Pengalaman dan pandangan mereka amat penting untuk direkodkan sebagai sumber rujukan utama berkenaan isu wabak ini. Selain maklumat lisan, ANM berusaha mengumpul rekod persendirian berkaitan pandemik COVID-19 yang berada dalam simpanan rakyat Malaysia untuk melengkapkan dan memperkayakan maklumat peristiwa bersejarah ini. Justeru, masyarakat disaran agar dapat menyerah dan menyumbang bahan ini kepada ANM untuk disimpan dan dipelihara serta boleh dirujuk pada masa akan datang.

Sempena majlis perasmian tersebut, turut diadakan **program simbolik penyerahan koleksi persendirian tokoh dan pertubuhan kepada ANM** iaitu koleksi YBhg. Tan Sri Zaman Khan, Prof. Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong, Dato' Harun Din, Persatuan Gabungan Komputer Nasional Malaysia (MNCC) dan Persatuan Soka Gakkai Malaysia. Koleksi persendirian ini adalah rekod sama ada yang diwujud, diterima atau dippunyai oleh orang perseorangan dan tokoh berdasarkan bidang kepakaran dalam pelbagai bentuk dan media. **Sehingga April 2023, jumlah koleksi persendirian yang disimpan di ANM adalah sebanyak 235,507 unit.**

Turut hadir ke majlis ini ialah YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg. Tan Sri Dato' Haji Alimuddin bin Mohd. Dom, Pengurus Lembaga Penasihat ANM dan YBhg. Dato' Jaafar Sidek bin Hj. Abdul Rahman, Ketua Pengarah ANM.

## Kementerian Perpaduan Negara

14 Jun 2023

---

*Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.*

Dikeluarkan oleh:      Unit Komunikasi Korporat  
                                b.p.: Ketua Setiausaha  
                                Kementerian Perpaduan Negara  
                                Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
                                E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 (4)